



23 AUG, 2024

Tinggal kontena berisi sejuta rokok

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Oleh Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

Kuching

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menemukan lebih sejuta rokok pelbagai jenama bernilai RM842,212.40 selepas merampas kontena di Kawasan Perindustrian Eastwood, Miri, dekat sini, jam 11.30 pagi, 14 Ogos lalu. Pengarah JKDM Sarawak Norizan Yahya berkata, kontena berkunci berukuran enam meter itu ditemukan Unit Operasi Darat JKDM Miri ketika membuat rondaan di lokasi terbabit.

Tinggal kontena berisi sejuta rokok

Taktik sindiket simpan barang tidak berkastam bernilai RM842,212.40 di kawasan lapang gagal kaburi pihak berkuasa

“Kontena itu diletak di kawasan lapang terbiar. Pasukan serbuan menunggu hampir sejam namun tiada individu tampil mengaku sebagai pemilik kontena.

“Berikutan itu, kami menyita kontena serta rokok terbabit,” katanya pada kenyataan, semalam. Menurutnya, taktik sindiket ialah menyimpan ro-

kok tidak berkastam di dalam kontena dan meletakkan kontena terbabit di kawasan lapang bagi mengaburi pihak berkuasa. Kes disiasat mengikut

Seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967, sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

“Kontena itu diletak di kawasan lapang terbiar. Pasukan serbuan menunggu hampir sejam, namun tiada individu tampil mengaku sebagai pemilik kontena”

Pengarah JKDM Sarawak, Norizan Yahya



23 AUG, 2024

Tinggal kontena berisi sejuta rokok

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kuching Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menemukan lebih sejuta rokok pelbagai jenama bernilai RM842,212.40 selepas merampas kontena di Kawasan Perindustrian Eastwood, Miri, dekat sini, jam 11.30 pagi, 14 Ogos lalu.Pengarah JKDM Sarawak Norizan Yahya berkata, kontena berkunci berukuran enam meter itu ditemukan Unit Operasi Darat JKDM Miri ketika membuat rondaan di lokasi terbabit.

Taktik sindiket simpan barang tidak berkastam bernilai RM842,212.